


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7

Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040 dijangka tingkatkan purata KDNK -2040 pastikan sektor terus membangun



Ismail Sabri ketika melancarkan Dasar Tenaga Negara 2022-2040 di Putrajaya pada Isnin.

Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040 dijangka tingkatkan purata KDNK

PUTRAJAYA - Pelaksanaan Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040 secara holistik dijangka dapat meningkatkan purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM13 bilion setahun dan mewujudkan lebih 207,000 peluang pekerjaan baharu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, aspirasi khusus yang ditetapkan di bawah Dasar Tenaga Negara (DTN) 2022-2040 yang dilancarkan pada Isnin akan dapat membantu mencapai aspirasi Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG) Sifar Bersih 2050 bagi menghadapi trend yang berlaku dalam peralihan tenaga dan menangani cabaran perubahan iklim.

Beliau berkata, aspirasi ini mengandungi sembilan sasaran terpilih untuk dicapai pada 2040, antaranya perkongsian mod pengangkutan awam bandar sebanyak 50 peratus; penggunaan kenderaan elektrik (EV) sebanyak 38 peratus; standard bahan api alternatif kenderaan berat dengan campuran bahan api B30; penggunaan gas asli cecair (LNG) sebagai bahan api alternatif pengangkutan marin sebanyak 25 peratus dan penjimatan kecekapan tenaga oleh industri dan komersial sebanyak 11 peratus serta kediaman sebanyak 10 peratus.

"Kerajaan yakin DTN berupaya memastikan sektor tenaga negara sentiasa bersedia untuk mendepani cabaran masa depan.

"Malah, sektor tenaga negara bakal membuka lembaran baharu selari di peringkat dunia yang menyaksikan munculnya sektor-sektor baharu seperti mobiliti rendah karbon melalui penggunaan EV serta penjanaan dan penyimpanan sumber tenaga baharu seperti

hidrogen dan tenaga berasaskan bio," katanya pada pelancaran Dasar Tenaga Negara 2022-2040 di sini pada Isnin.

Bagi mencapai visi dan objektif DTN, Ismail Sabri berkata, sebanyak 12 strategi dan 31 pelan tindakan dikenal pasti berlandaskan empat teras strategik dan lima pemboleh daya untuk dilaksanakan bagi jangka pendek, sederhana dan panjang, selari dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Menurutnya, kerajaan juga bersetuju untuk menubuhkan Majlis Tenaga Negara (MTN) bagi menerajui hala tuju peringkat tertinggi dalam membuat keputusan strategik berkaitan sektor tenaga kerana strategi dan pelan tindakan DTN merentasi pelbagai sektor dan pihak berkepentingan.

"Saya akan memperkerusi Majlis Tenaga Negara ini bagi memastikan inisiatif DTN dilaksanakan secara berkesan oleh kementerian dan agensi bertanggungjawab berdasarkan akauntabiliti dan peranan masing-masing," ujarnya.

Bagi memacu pembangunan hidrogen, Ismail Sabri berkata, kerajaan sedang memuktamadkan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen, meliputi menggalakan penyertaan pemain industri, R&D termaju yang berorientasikan pasaran serta penggunaan produk dan teknologi berkaitan hidrogen.

"Kerajaan juga telah mengagih semula kuota Tenaga Boleh Baharu (TBB) sebanyak 1,200 megawatt bagi memacu penjanaan hidrogen hijau. Pada masa ini, Petronas juga sedang bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam bidang hidrogen bagi penjanaan sumber ekonomi baharu," kata beliau. - Bernama